



**MAJLIS DAERAH MARUDI
KENYATAAN TENDER**

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor yang mempunyai pendaftaran yang ditetapkan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah bagi kerja seperti dibawah adalah dipelawa untuk menyertai **tender terbuka** berikut:-

Bil	No. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Lesen (Nyatakan Kelas, Kepala/ Sub Kepala	Bayaran dan Cagaran Dokumen	Tarikh dan Masa Lawatan Tapak	Tarikh Penjualan Dokumen Tender	Tempat Jualan Dokumen Tender
1.	10/PW/MDM/3/30 (Projek Rakyat)	Marudi Waterfront Extension to Kampung Dagang, Marudi (Re-Tender)	Kelas: A atau B Kepala: I Sub Kepala: 1 DAN Kepala: II Sub Kepala: 2a DAN Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) G6 dan ke atas	<u>Yuran Dokumen:</u> RM1,150.00 (tidak dikembalikan) <u>Deposit Tender:</u> RM5,000.00 (dikembalikan kepada penender yang tidak berjaya)	30 Julai 2026 Jam 3.00 petang Berkumpul di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Marudi Jam 2.30 petang untuk taklimat pengisian dokumen tender terlebih dahulu (Lawatan Tapak adalah Wajib)	30 Julai 2026 sehingga 13 Ogos 2026	Pejabat Bahagian Kejuruteraan, Majlis Daerah Marudi, Lot 577, Jln Penghulu Tama Tinggang Malang

2. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat setelah pembayaran dilakukan untuk yuran dokumen dalam bentuk wang tunai atau cek/bank draf di atas nama **“Majlis Daerah Marudi”** dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah mengikut syarat – syarat yang ditetapkan.

3. Lawatan Tapak adalah **WAJIB** dan hendaklah dihadiri oleh pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Kontraktor / wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis hendaklah membawa sijil pendaftaran ASAL serta salinannya yang telah diakui sah yang dikeluarkan oleh Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) semasa membeli dokumen.

4. Dokumen tender yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen – dokumen seperti berikut:-

- a. Sijil Pendaftaran Perniagaan
- b. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ, dan
- c. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB

Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Tender Majlis berhak menolak tawaran tender.

5. Dokumen Tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **Tarikh Tutup, Nombor Tender serta Tajuk Tender** dan perlu dimasukkan ke dalam peti tawaran tender beralamat seperti berikut:-

**Setiausaha,
Majlis Daerah Marudi,
Lot 577, Jalan Penghulu Tama Tinggang Malang,
P.O.Box 374,
98050, Marudi, Baram**

6. Tarikh tutup bagi semua tender tersebut diatas adalah pada **13 Ogos 2026** jam **12.00 tengah hari** dan sebarang dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.
7. Tempoh sah laku tender hendaklah 90 hari dari tarikh tutup.
8. Majlis Daerah Marudi tidak terikat untuk menerima tawaran **tender terendah** atau **mana-mana tawaran tender**.

**Setiausaha,
Majlis Daerah Marudi**

Tarikh: 23 Julai 2026